

01/04/1997

Keputusan ambil alih Fokker akan diumumkan

PENGUMUMAN mengenai keputusan rancangan kerajaan mengambil alih Fokker NV (Fokker), syarikat pengeluar pesawat yang berpangkalan di Belanda dan mengalami krisis kewangan, dijangka diumumkan tidak lama lagi.

Ini berikutan kumpulan pegawai tempatan yang membuat penelitian menyeluruh terhadap kedudukan Fokker sebelum membuat keputusan muktamad mengenainya, sudah menyelesaikan tugas mereka.

Pengarah Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), Tan Sri Abdul Rashid Hussain berkata, pihaknya mendapat maklumat pasukan itu sudah menyiapkan tugas mereka dan kembali ke Malaysia, kelmarin.

Katanya, sehingga kini pihak Khazanah masih belum menerima laporan berkenaan dan akan menunggu ia diserahkan kepada mereka, sebaik sahaja ia siap.

"Sebarang pengumuman mengenainya akan dibuat oleh kerajaan dan bukannya Khazanah," katanya ketika ditemui selepas majlis memeterai perjanjian di antara Petronas, Dialog MCV Sdn Bh dan GATX Terminal Pte Ltd, di Kuala Lumpur, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan Malaysia menerima tawaran berhubung usaha menyelamatkan Fokker dan kerajaan sedang mengkaji tawaran itu dan dijangka membuat keputusan secepat mungkin.

Berikutan itu, sekumpulan pegawai yang dipercayai dari Khazanah berlepas ke Belanda untuk mengkaji secara terperinci buku audit Fokker dan meninjau rancangan perniagaannya untuk tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang.

Sementara itu, beberapa laporan akhbar menyebut, sebarang penyertaan Malaysia dalam usaha memulihkan Fokker dipercayai akan dilakukan menerusi syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah.

Kerajaan Belanda, kumpulan Stork dan usahawan Belgium, Andre Delaye yang terbabit dalam usaha pengambilalihan itu diberi tempoh sehingga 1 Mei ini untuk mengemukakan cadangan pemulihan Fokker itu.

Baru-baru ini kerajaan Belanda dan kumpulan Stork memeterai perjanjian untuk menyuntik 51 peratus daripada kos pemulihan Fokker bernilai RM1.44 bilion.

Delaye sebagai penggerak usha menyelamatkan itu menyumbangkan 10 peratus lagi dana, manakala Khazanah dijangka menanggung 39 peratus lagi keperluannya.

(END)